

08 MAR 1997

FIRMA M'SIA-AFRIKA SELATAN DALAM PORJEK BERNILAI RM2.63 BLN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Tiga buah syarikat Malaysia hari ini memeterai perjanjian berasingan dengan rakan kongsi dari Afrika Selatan, dua daripadanya membabitkan nilai pelaburan bergabung sebanyak RM2.63 bilion.

Pemeteraian perjanjian tersebut di sini telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela.

Perjanjian berkenaan ialah antara Jaringan Infrastructure Sdn Bhd dan Plessey of South Africa, Trakprops 31 Pty Ltd dan ABI Construction Sdn Bhd, dan MK Malefane Entertainment (PTY) Ltd dan Diversified Systems Sdn Bhd.

Ia akan membabitkan pelbagai projek seperti pembangunan harta di Cape Town (Afrika Selatan), sistem penyaluran bagi telekomunikasi di Selangor dan pelancaran bank usaha sama di Afrika Selatan, Southern Bank of Africa.

Pengarah urusan syarikat berasaskan harta ABI Construction, Mohd Zahari Abdul Rahman, berkata kumpulan itu telah mengenal pasti sebuah tapak yang dikenali sebagai Mitchel Plain di Cape Town untuk dimajukan menjadi projek pembangunan perindustrian dan harta bercampur yang membabitkan kos AS\$1.0 bilion (RM2.48 bilion).

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pemeteraian itu, Mohd Zahari berkata projek tersebut, yang kedua bagi kumpulan itu di seberang laut selepas Madagascar (membabitkan pelabur RM500 juta untuk projek jalan raya), akan diuruskan oleh syarikat usaha sama 51-49 diberi nama Trackprops.

Katanya projek di Capetown itu akan bermula tidak lama lagi dan dijangka siap dalam tempoh lima tahun lagi.

Sementara itu, Plessey Pty Ltd (sebuah syarikat telekomunikasi antarabangsa) telah dilantik oleh Jaringan Infrastruktur Sdn Bhd bagi memajukan sistem saluran bersama untuk digunakan oleh pengendali telekomunikasi di Selangor.

Jaringan Infrastruktur ialah sebuah konsortium yang dibentuk bagi melaksanakan Project Jaringan Selangor dan mengandungi empat anggota, iaitu Permodalan YBK Sdn Bhd (30 peratus), SAP Holdings Bhd (30 peratus), Ingres Software Sdn Bhd dan Inai Kristal Sdn Bhd (20 peratus setiap satu).

Pengerusi eksekutifnya, Kamarudin Ahmad, berkata Plessey adalah kontraktor siap guna di mana terdapat pemindahan teknologi oleh Plessey kepada Jaringan Infrastruktur, terutamanya dalam bidang kejuruteraan telekomunikasi dan teknologi maklumat.

Cadangan telahpun diserahkan kepada pihak berkuasa Selangor dan sekiranya semua berjalan lancar, kerja fasa pertama akan dimulakan menjelang Julai ini, kata Kamarudin.

Bank usaha sama Killinghall (Malaysia) Bhd di Afrika Selatan, iaitu Southern Bank of Africa, dilancarkan hari ini dan akan beroperasi bulan depan. Cawangannya yang pertama ialah di Johannesburg.

Bank itu yang diberi lesen untuk mengendalikan bank di Afrika Selatan bermodal Rand 100 juta (RM60 juta) dan kepentingannya dipegang sama rata antara Killinghall dan National Empowerment Trust Investment Fund Pty Ltd.

-- BERNAMA

AA MA